



Aksiologi Seni: Perlambangan Dan Kefungsian Dari Perspektif Wahyu

NOOR HISHAM MD NAWI

Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRAK

Nilai adalah sesuatu yang kompleks meskipun ia sangat dekat bahkan tidak boleh dipisahkan dari manusia. Seni pula adalah salah satu nilai yang rumit untuk difahami dan dihayati oleh manusia. Penulisan ini berusaha untuk meneroka persoalan hakikat nilai seni, perlambangan dan peranannya untuk memahami kehidupan manusia dengan lebih baik. Menggunakan metodologi inkuiri falsafah dialektik, penulisan ini cuba meneroka makna seni, maksud perlambangan dalam seni dan fungsi serta peranan seni dalam kehidupan. Untuk menjadikan penulisan ini terarah, perspektif wahyu digunakan sebagai panduan dan lensa penalaran. Antara rumusan yang diperolehi ialah aksiologi seni bukan hanya isu estetika semata bahkan melibatkan persoalan etika. Konsep keindahan tidak boleh dipisahkan dengan aspek nilai baik dan buruk. Kesenian yang benar adalah keindahan yang diciptakan untuk dinikmati secara adil, beradab dan harmoni ; bukan merosakkan. Pembawaan seni yang tepat mengikut fitrah kejadian manusia adalah satu manifestasi ibadah dan terjemahan keindahanNya yang terpancar pada kejadian dan penciptaan alam yang indah ini. Adalah diakui bahawa rumusan yang dibuat masih jauh dari sempurna dan penambahbaikan dan perbincangan lanjut amat dialu-alukan.

Kata kunci: Aksiologi, nilai, perlambangan dan kefungisian

PENGENALAN

Aksiologi adalah ilmu tentang teori nilai. Teori nilai mengkaji tentang makna nilai, kewujudannya, sumber dan asal usulnya dan kepentingannya. Teori nilai membahaskan dua komponen utama iaitu isu etika dan estetika. Secara mudah, etika membincangkan tentang baik buruknya tingkah laku manusia manakala estetika membahaskan mengenai keindahan sesuatu perkara. Nilai bersifat ide dan abstrak. Nilai bukanlah suatu fakta yang boleh ditangkap oleh pancaindera. Persoalan nilai adalah persoalan penghayatan, perasaan dan kepuasan. Perbincangan mengenai nilai telah melahirkan pelbagai pandangan dan teori.

KAJIAN LITERATUR

Aksiologi

Menurut Kamus Filsafat (2000), aksiologi berasal dari bahasa Yunani 'axios' yang bermakna nilai dan 'logos' yang bermaksud ilmu. Oleh itu, aksiologi adalah teori tentang nilai atau cabang falsafah yang membincangkan mengenai nilai. Menurut Suriasumantri (2000), aksiologi adalah teori nilai yang berkaitan dengan kegunaan dari pengetahuan yang diperolehi. Aksiologi umumnya boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu etika dan estetika. Etika membincangkan isu baik dan buruk sesuatu perkara. Manakala estetika pula membicarakan tentang aspek keindahan sesuatu perkara. Bramel dalam Jalaluddin dan Abdullah (1997) membahagikan aksiologi kepada tiga bahagian. Pertama, *moral conduct*, iaitu tindakan moral. Bidang ini melahirkan disiplin ilmu khusus iaitu etika. Kajian etika lebih berfokuskan kepada tingkahlaku, norma dan adat istiadat manusia. Tujuan daripada etika adalah agar manusia mengetahui dan mampu bertanggungjawab atas apa sahaja yang dia lakukan. Di dalam etika, nilai kebaikan daripada tingkahlaku manusia menjadi pokok persoalan. Ia bermaksud bagaimana menghasilkan tingkahlaku yang baik dan penuh bertanggungjawab sama ada terhadap diri sendiri, masyarakat, alam mahupun terhadap Tuhan. Bahagian kedua dari aksiologi adalah *esthetic expression* atau ekspresi keindahan. Bidang ini melahirkan keindahan. Estetika berkait rapat dengan nilai tentang pengalaman keindahan yang dimiliki oleh manusia terhadap lingkungan dan fenomena di sekelilingnya. Bahagian ketiga daripada aksiologi adalah *socio-political life* atau kehidupan sosial politik yang akan melahirkan falsafah sosiopolitik.



Dalam penulisan ini, tumpuan akan diberikan kepada aspek estetika berbanding dengan etika kerana perbincangan mengenai seni terletak dalam persoalan estetika. Estetika adalah cabang falsafah yang membincangkan tentang seni, rasa, penciptaan dan apresiasi tentang keindahan. Istilah estetika berasal dari kata Yunani iaitu *aesthesis* yang bermakna pencerapan inderawi, pemahaman intelektual, atau pengamatan spiritual. Istilah *art* berasal dari kata latin *ars*, yang bermakna seni, keterampilan, ilmu, atau kecekapan. Secara ilmiahnya, ia didefinisikan sebagai kajian tentang nilai-nilai yang dihasilkan dari emosi-sensorik. Secara luasnya, estetika didefinisikan sebagai refleksi kritis tentang seni, budaya, dan alam.

Estetika dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu estetika deskriptif dan estetika normatif. Estetika deskriptif menguraikan dan melukiskan fenomena-fenomena pengalaman keindahan. Estetika normatif pula membincang dan menyelidiki hakikat, dasar, dan ukuran pengalaman keindahan. Ada pula yang membahagi estetika kepada falsafah seni (*philosophy of art*) dan falsafah keindahan (*philosophy of beauty*). Falsafah seni mempersoalkan status ontologi dari karya-karya seni dan membahaskan pengetahuan apakah yang dihasilkan oleh seni serta apakah yang dapat diberikan oleh seni untuk menghubungkan manusia dengan *reality*. Falsafah keindahan membincangkan apakah keindahan itu ada apakah nilai indah itu objektif atau subjektif. Dalam konteks penulisan, perbincangan akan disorot kepada aspek estetika normatif dan falsafah keindahan kerana pokok perbincangan adalah berfokuskan kepada hakikat seni dan keindahan, makna lambang atau simbol kesenian serta peranannya dalam kehidupan manusia secara keseluruhan.

Seni

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), seni membawa maksud halus iaitu kecil, elok, tipis dan halus, enak didengar iaitu mengenai suara. Seni juga membawa maksud karya termasuk sajak, lukisan, muzik dan lain-lain yang dicipta dengan bakat atau kecekapan dan hasil daripada sesuatu ciptaan. Menurut Ensiklopedia Malaysiana (1996:453), seni adalah satu istilah yang digunakan bagi sesuatu yang indah-indah pada pandangan pancaindera manusia sama ada melalui penglihatan atau pendengaran. Umumnya seni dikaitkan dengan sesuatu yang diciptakan manusia yang mengandungi unsur keindahan.

Seni adalah suatu cara untuk seseorang mengekspresikan sesuatu melalui pelbagai medium seperti muzik, lukisan, tarian dan seumpamanya untuk menyampaikan sama ada kepercayaan, idea, rasa, atau perasaan dalam bentuk yang terbaik. Seni juga sangat dekat dengan sesuatu yang memberi perlambangan atau simbol dengan makna tertentu. Syed Mahadzir (2015) membahagikan seni kepada empat bahagian utama iaitu seni pendengaran (seperti muzik, deklamasi puisi, prosa, seni suara), seni penglihatan mata (seperti seni lukis, seni hias, fotografi, seni pakaian), seni pendengaran dan penglihatan (seperti drama, teater, filem) dan seni pembacaan (seperti hasil karya sastera yang berbentuk puisi dan prosa). Di samping itu, seni juga mempunyai pelbagai peranan dan fungsi-fungsi tertentu menurut acuan pihak yang menyampaikannya.

Perspektif Wahyu

Wahyu berasal dari kata dalam bahasa Arab iaitu perkataan "*awha*" bermaksud inspirasi daripada orang lain atau arahan seseorang. Dalam penulisan ini wahyu adalah merujuk kepada al-Quran dan sunnah nabi yang menjadi pedoman kepada seluruh umat manusia tanpa mengira bangsa, usia, warna kulit, agama, tahap kecerdikan dan jantina. Daripada keduanya (al-Quran dan Sunnah), orang yang beriman akan menjadikannya sebagai panduan dan petunjuk dalam membuat sesuatu keputusan yang penting dalam hidup.

METODOLOGI

Penulisan ini menggunakan metode penyelidikan falsafah. Dalam konteks penulisan, metode penyelidikan falsafah adalah suatu cara yang dilalui dalam satu proses tindakan yang dilakukan secara terancang dan sistematik untuk menyelesaikan permasalahan mengenai kefalsafahan. Metodologi penyelidikan falsafah mempunyai ciri dan unsur-unsurnya yang tersendiri. Menurut Bakker dan Zubair (1994), unsur metodologi penyelidikan falsafah adalah interpretasi, induksi dan deduksi, koheren dalaman, holistik, kesinambungan sejarah, idealisasi, perbandingan, analogikal dan deskripsi. Penulisan ini menggunakan metode dialektik. Metode ini sering digunakan oleh Socrates untuk memahami sesuatu perkara secara mendalam dalam mencari kebenaran. Menurut Phonix dalam Short (1991), asas kepada proses kaedah dialektik ialah analisis, sintesis dan kritis. Tiga proses tersebut atau gabungan di antara ketiga-tiganya menjadi intipati kepada penyelidikan bercirikan falsafah. Dalam kaedah dialektik, proses yang berlaku adalah mengemukakan soalan, memberikan jawapan dan mengemukakan soalan yang baru. Proses yang berterusan



inihlah yang memberi ciri kepada kajian dalam bidang falsafah. Ini bermakna bahawa satu jawapan yang mutlak tidak mungkin akan ditemui. Bagaimanapun dalam Islam, falsafah dan matlamat yang diambil dari Al-Qur'an dan Sunnah adalah kebenaran dan realiti tertinggi yang tidak boleh dipertikaikan. Dalam metode dialektik, analisis bermaksud proses memecah atau membahagikan sesuatu yang kompleks kepada bahagian-bahagian yang kecil. Sintesis pula bermakna mengatur bahagian-bahagian yang kecil itu dan menghasilkan sesuatu idea yang baru. Manakala kritis bermaksud menilai alasan atau hujah yang telah diberikan terhadap sesuatu idea, mengenalpasti pola perbincangan, memperbaiki dan seterusnya mencadangkan sesuatu yang baru kepada idea tersebut.

Untuk memandu penulisan ini, tiga proses utama (analisis, sintesis dan kritis) akan melalui susunan soalan sebagaimana berikut :

1. Apakah itu seni?
2. Apakah perlambangan seni?
3. Apakah fungsi seni dalam kehidupan manusia?

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

a) Konsep dan maksud seni

Seni adalah merupakan sesuatu yang elok, lembut, indah, senang didengar atau dilihat. Ini termasuklah seni tampak, seni lukis, seni suara dan sebagainya. Untuk mendefinisi seni tidaklah semudah itu. Seni merupakan julat yang berlainan untuk aktiviti manusia, produk serta aktiviti mereka. Pada masa kini, seni dianggap sebagai luahan kreativiti manusia. Walau bagaimanapun, seni sukar ditakrifkan kerana setiap seniman mempunyai aturan dan sekatan tersendiri bagi setiap hasil kerja mereka.

Diulangi sekali lagi bahawa seni sukar ditakrifkan dan sukar untuk dinilai. Setiap orang mempunyai pendapat dan pandangan yang tersendiri mengenai apa yang boleh dianggap sebagai seni atau tidak. Ayuh kita semak beberapa definisi seni oleh individu yang tersohor.

1. Alexander Baum Garton

Seni adalah keindahan dan seni adalah tujuan yang positif menjadikan penikmat merasa dalam kebahagiaan.

2. Aristoteles

Seni adalah bentuk yang pengungkapan dan penampilannya tidak pernah menyimpang dari kenyataan dan seni itu adalah meniru alam.

3. Leo Tolstoy

Seni adalah ungkapan perasaan pencipta yang disampaikan kepada orang lain agar mereka dapat merasakan apa yang dirasakan pelukis.

4. Al-Farabi

Ciptaan yang berbentuk keindahan

5. Al-Ghazali

Kerja yang berkaitan dengan rasa jiwa manusia yang sesuai dengan fitrahnya.

6. Ibnu Khaldun

Seni itu adalah kebenaran, keindahan dan kebaikan di mana di dalamnya terkandung ciri-ciri estetika, etika dan logika. Berdasarkan beberapa definisi yang dikemukakan, seni adalah sesuatu yang bersifat abstrak, dapat dipandang, didengar dan disentuh oleh jiwa tetapi tidak dapat dinyatakan dengan mudah melalui kata-kata. Justeru, sukar untuk mentakrifkan seni secara tepat sesukar untuk menerangkan konsep keindahan itu sendiri.

Seni tidak asing dalam Islam kerana Islam itu sendiri adalah indah. Islam itu indah kerana ia datang dari Yang Maha Indah. "Sesungguhnya Allah itu indah dan sukakan keindahan". Seni dalam Islam adalah sesuatu karya yang dizahirkan melalui daya kreatif dengan tujuan untuk membantu 'memeriahkan' kebesaran Allah s.w.t. Kesenian menurut perspektif Islam seharusnya membimbing manusia ke arah konsep tauhid dan pengabdian diri kepada Allah s.w.t serta bersifat "*al-Amar bil Ma'ruf dan An-Nahy 'an Munkar*" (menyuruh berbuat baik dan mencegah kemungkaran). Seni seharusnya meliputi aspek yang positif dan bersifat membangunkan akhlak masyarakat; bukan membawa kemungkaran atau perosak akhlak ummah. Dari segi istilah, seni membawa erti sebagai segala sesuatu yang indah. Keindahan yang dapat menggerakkan jiwa, kemesraan, menimbulkan keharuan, ketakjuban, dan kesenangan.



Maksud seni mesti ditundukkan kepada konsep fitrah asal kejadian manusia kerana kebebasan jiwa dalam membentuk seni adalah menurut kesucian fitrahnya yang dikurniakan Allah s.w.t. Konsep kesenian menurut perspektif Islam ialah sesuatu yang membimbing manusia ke arah konsep tauhid dan pengabdian diri kepada Allah s.w.t. Seni dibentuk untuk melahirkan manusia yang benar-benar baik dan beradab. Motif seni bermatlamatkan kebaikan dan berakhlak. Selain itu, seni juga seharusnya lahir sebagai satu proses pendidikan yang bersifat positif dan tidak lari daripada batas-batas syariat.

Berdasarkan penjelasan sebelumnya, seni adalah perasaan cinta terhadap keindahan, atau segala yang halus dan indah lagi memuaskan jiwa manusia. Bila perasaan cinta terhadap keindahan merupakan roh dan titik kenikmatan bagi kesenian, maka ia merupakan sesuatu yang ditunjukkan oleh al-Quran dalam kebanyakan ayatnya. Al-Quran memberi perhatian kepada unsur keindahan dan kecantikan yang dicipta oleh Allah S.W.T di samping unsur manfaat dan unsur faedah yang terdapat padanya. Di samping mengambil manfaat, al-Quran membenarkan manusia menikmati kecantikan dan perhiasan yang terdapat padanya. Perhatikan ayat-ayat al-Quran berikut :

1. “Dan bagi kamu pada binatang-binatang ternak itu, keindahan (yang menarik hati) ketika kamu membawanya balik untuk berihat (pada waktu petang), dan ketika kamu membawanya keluar (pada waktu pagi). Al-Nahl : 6
2. “Dan Dia lah yang memudahkan laut, supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang lembut hidup-hidup, dan dapat pula mengeluarkan daripadanya benda-benda perhiasan untuk kamu memakainya dan (selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal belayar padanya; dan lagi supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurniaNya; dan supaya kamu bersyukur.” Al-Nahl :14
3. Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas. Al-A’raaf : 31


Islam berlandaskan Iman. Iman adalah fitrah manusia dan seni juga adalah fitrah manusia. Manusia sukakan kepada kesenangan dan keindahan yang telah menjadi sifat semulajadinya iaitu nilai etika dan nilai estetika. Tuhan mencipta naluri asas estetika kepada manusia dan manusia mencipta seni untuk mencapai naluri itu. Islam memandang bahawa harus hukumnya berseni seperti mana mengikut kehendak fitrahnya. Tidak ada seorang manusiapun yang menafikan fitrahnya seperti menafikan rasa lapar, dahaga, rasa gembira, sedih dan rasa indah.

Perlambangan dan Manifestasi Seni

Seni diekspresikan dalam pelbagai bentuk perantaraan atau medium seperti muzik, filem, arca, puisi dan pelagai lagi. Dalam kepelbagaian bentuk rekaan itu, aktiviti seni sering dikaitkan dengan lambang atau simbol yang diberi makna tertentu. Kadang-kadang hasil seni umpamanya lukisan mempunyai makna yang sangat abstrak sehingga sukar untuk diterjemahkan oleh orang awam. Apakah makna perlambangan seni tersebut dan mengapa ia menjadi penting untuk memahami aksiologi seni.

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelumnya, seni adalah sesuatu yang dekat dengan fitrah manusia dan diiktiraf secara jelas dalam al-Quran. Bahkan keindahan merupakan salah satu ciri keesaan, kebesaran dan kesempurnaan Allah s.w.t. Dengan kefahaman tersebut, segala yang diciptakanNya juga merupakan pancaran keindahanNya. Dalam surah al-Tin ayat 4, Allah menjelaskan bahawa manusia dijadikan sebagai makhluk yang paling indah dan paling sempurna. Maha Suci Allah yang menciptakan manusia dengan penuh kesenian dari segi perbezaan rupa dan warna kulit. Meskipun begitu darjatnya boleh menjadi sangat rendah jika tidak dilengkapi dengan iman dan amal saleh. Bumi yang merupakan tempat manusia itu ditempatkan juga dihiasi dengan segala keindahan. Allah s.w.t. bukan sekadar menjadikan manusia sebagai makhluk yang terindah tetapi juga mempunyai naluri yang cintakan keindahan. Di sinilah letaknya keistimewaan manusia yang tidak dimiliki oleh makhluk lain seperti malaikat, jin dan haiwan.

Kesenian dan keindahan Allah terpancar jelas melalui penciptaan alam buana ini. Allah yang Maha Indah mahu zatnya juga dikenali melalui ciptaan alam yang sangat indah. Sabda Nabi yang bermaksud : “Sesungguhnya Allah Maha Indah, suka akan keindahan, takbur adalah ingkar kepada kebenaran dan merendah-rendahkan manusia” (Riwayat Muslim). Kata alam berasal dari bahasa Arab (**عالم** alam) yang seakar dengan ’ilmu (**علم** , pengetahuan) dan alamat (**علامة** , pertanda). Menurut Nurcholish Madjid (1992), ketiga istilah tersebut mempunyai korelasi makna. Alam sebagai ciptaan Tuhan merupakan identitas yang penuh hikmah. Dengan memahami alam, seseorang akan memperoleh pengetahuan. Dengan pengetahuan itu, orang akan mengetahui tanda-tanda atau alamat akan adanya Tuhan. Oleh kerana itu, alam semesta adalah alamat, alat atau sarana yang sangat jelas untuk mengetahui wujud Tuhan,



Pencipta yang Maha Esa, Maha Kuasa, dan Maha Mengetahui. Bertolak dari premis yang sama, keindahan alam ciptaan Tuhan juga adalah lambang atau manifestasi keindahan Tuhan itu sendiri. Indahnya waktu dhuha adalah manifestasi betapa berkuasa dan indahnya Tuhan yang menjadikan waktu dhuha tersebut. Doa solat Dhuha. Kefahaman ini menjadikan manusia yang menghargai seni dan kesenian menjadi semakin dekat dengan Tuhan Yang Maha Indah.

Dari sisi yang lain, kesenian juga terpancar pada al-Quran yang diturunkan sebagai panduan dan pedoman untuk semua umat manusia. Al-Quran merupakan mukjizat seni yang tidak dapat ditangkis oleh mana-mana kesenian kerana ketinggian bahasa dan maknanya yang melangkaui zaman dan tempat (al-Qaradhawi 1999). Jika alam dikenali sebagai ayat kauniyyah (terkandung di dalamnya hukum alam atau sunnatullah sebagai pembuktian kewujudan dan keindahan Allah), al-Quran pula dikira sebagai ayat maqruah / tanziliyyah yang terkandung di dalamnya keindahan bahasa yang sangat tinggi dan kebenaran yang pasti lagi mutlak. Di sini kita lihat bagaimana al-Quran menggunakan istilah ayat atau aayah diulang sebanyak 382 kali didalam Al-Quran dengan pelbagai bentuknya, (*mufrad*, *muthanna* dan *jamak*). Aayah di dalam Al-Quran mempunyai banyak makna seperti hujjah dan dalil (al-Rum:20-25) , al-Quran (al-Nahl:101) , mukjizat (Al-Qasas : 36), pengajaran (Maryam:21), kitab samawi (al-Mu'minin ayat 66), hukum syarak (al-Baqarah:242) dan papan tanda atau alamat (Saba:15). Kesemua perkara ini menjadi makna kepada keindahan al-Quran itu sendiri dengan kepelbagaian maksud terhadap aayah khususnya makna papan tanda atau alamat atau simbol yang menjadi aspek penting dalam sesuatu hasil seni.

Kefungsian dan Peranan Seni

Dengan makna dan konsep yang begitu besar, tidak terbayang kepada kita jika seni tidak mempunyai peranan atau fungsi tertentu atau kepentingannya dalam kehidupan manusia. Aksiologi seni mempertanyakan untuk apa seni bagi manusia? Ada banyak pendapat mengenai apa fungsi seni. Secara umum, fungsi seni terbahagi kepada dua iaitu fungsi fizik (untuk digunakan seperti meja) dan fungsi emosional (ekspresi nilai seperti lukisan). Menurut Syed Mahadzir (2015), seni juga boleh dibahagi dengan dua tujuan iaitu seni untuk seni dan seni untuk masyarakat. Seni untuk seni adalah bermatlamatkan seni semata-mata di mana seniman bebas untuk berkarya samada memberi kebaikan atau sebaliknya. Manakala seni untuk masyarakat pula bermaksud seni yang dicipta untuk dinikmati oleh masyarakat.

Tujuan seni dalam Islam berkait rapat dengan nilai estetika yang berpaksikan tauhid. Jadi fungsi seni menurut perspektif wahyu tidak hanya terhad kepada memiliki fungsi dan utilitarian yang bersifat duniawi semat-mata. Islam menolak konsep seni untuk seni yang terpisah dari konsep khilafah dan ubudiyah kepada Tuhan. Pihak Barat yang menggagaskan konsep “seni untuk seni”. Teori yang dikemukakan oleh Theophil Gautier ini memberi implikasi bahawa seni adalah bebas nilai. Mereka menentang konsep seni harus dimanfaatkan. Seni yang dihasilkan tidak mempunyai ikatan sosial dan bebas. Seni yang dihasilkan hanyalah sekadar untuk kepuasan estetika dan tidak lebih dari itu. Seni seharusnya berada dalam dunianya sendiri. Inilah ciri seni yang berasaskan faham sekularisme yang memisahkan seni, kebudayaan dan adat istiadat bangsa dengan agama.

Seni menurut perspektif wahyu adalah berdasarkan gagasan seni untuk manusia yang dalam konteks Islam manusia adalah khalifah di atas bumi yang mengabdikan dan beribadah kepada Tuhan. Justeru, seni adalah sesuatu untuk dinikmati oleh manusia yang bersambungan dengan misi dan visi penciptaannya. Ringkasnya seni untuk manusia demi Tuhan (Nasr, 1981). Dalam Islam, seni sepatutnya dapat memberi kesan dalam jiwa manusia serta dapat menghubungkan hamba dengan Penciptanya. Seni adalah bakat dalam diri manusia dan anugerah kurniaan Allah. Justeru seni peranan seni seharusnya berhubungan dengan Allah sebagai sumber tertinggi kesenian tersebut. Berikut dikemukakan empat peranan seni kepada manusia :

1. Menggiatkan akal supaya menyedari dan menghayati kaitan antara seni dengan alam rohaniah dan alam fizikal dan seterusnya menyedarkan dirinya tentang keagungan Allah.

Menurut Sayyid Hossein Nasr (1999), dalam apa juga bidang sekalipun, seni Islam itu mestilah mempunyai fungsi spiritual yang dapat membimbing manusia supaya mengingati Allah s.w.t. Beliau menegaskan bahawa *seni itu tidak dapat memainkan fungsi spiritual jika ia tidak dihubungkan dengan bentuk dan kandungan wahyu Islam. Sebagai contoh*, seorang pelukis yang menyedari bahawa bakat melukis itu adalah anugerah Allah kepada dirinya akan menterjemahkan rasa syukur tersebut melalui karya lukisannya yang berunsur keindahan alam ciptaan Allah. Dia akan terdetik dalam pemikirannya bahawa alam yang sangat indah ini tidak dapat ditandingi dengan hasil kesenian manusia. Dengan wujudnya rasa rendah diri ini, maka setiap apa yang dihasilkan lahir dengan penuh tawaduk dan merasakan bahawa setiap apa yang dihasilkan adalah merupakan ilham dari kebesaran Allah s.w.t.



2. Membina kekhuyukan dan ketenangan jiwa

Secara fitrahnya, manusia cenderung ke arah sesuatu yang indah dan seni. Sebagaimana yang telah dijelaskan, seni adalah merupakan sesuatu yang elok, lembut, indah dan seronok didengar dan dilihat. Kesenian islam seharusnya membawa nilai yang positif kepada kehidupan manusia. Sebagai contoh, masjid yang dihiasi dengan warna, ukiran, dan tulisan khat yang indah serta pelbagai kemudahan seperti kipas, penghawa dingin serta taman-taman bagi mewujudkan rasa tenang, selesa dan khusyuk ketika menunaikan ibadah kepada Allah.

3. Menanam rasa takwa kepada Allah melalui seni yang berpaksikan tauhid

Pembangunan kesenian di dalam Islam mestilah bertunjangkan akhlak dan iman serta seiring dengan falsafah kehidupan manusia. Seni Islam dan pembawaannya haruslah menjurus ke arah konsep tauhid dan pengabdian kepada Allah demi mencari keredhaanNya. Sebagai contoh, dalam seni fesyen baju muslimah, konsep rekaannya hendaklah menepati hukum syara' dan tidak hanya bertujuan untuk mendapat keuntungan atau hanya sekadar seni untuk memuaskan hati masyarakat sahaja. Pencinta seni yang menghayati keindahan Islam akan mencipta sesuatu rekaan yang boleh membawa insan ke arah kebaikan serta boleh menghubungkan hamba kepada penciptanya.

4. Seni adalah sebagai satu proses pendidikan yang bersifat positif dan tidak lari daripada batas-batas syariat

Seni seharusnya dapat membimbing manusia ke arah kehidupan yang lebih bertamadun dan beradab. Kesenian Islam tidak bermotifkan hiburan semata-mata malah ianya menjurus ke arah mentarbiah masyarakat menjadi insan yang beriman, berakhlak, berilmu dan beramal soleh. Oleh itu, sesuatu itu bukanlah dianggap seni sekiranya ia tidak dapat menjalankan fungsinya untuk membimbing manusia ke arah yang lebih baik dan mengingati Allah s.w.t.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Aksiologi seni bukan hanya isu estetika bahkan juga isu etika. Konsep keindahan tidak boleh dipisahkan dengan aspek nilai baik dan buruk. Nilai baik dan buruk pula sangat bergantung kepada hubungan antara subjek dengan objek. Tidak ada sesuatu itu dalam dirinya sendiri mempunyai nilai. Sesuatu itu akan mempunyai nilai setelah diberikan penilaian oleh seorang subjek kepada objek. Suatu barang tetap ada, sekalipun manusia tidak ada, atau tidak ada manusia yang melihatnya. Sebagai contoh bunga itu tetap ada sekalipun tidak ada mata manusia yang memandangnya. Tetapi nilai itu tidak ada kalau manusia tidak ada atau manusia tidak melihatnya. Bunga itu tidak indah kalau tidak ada pandangan manusia yang mengaguminya. Justeru, nilai seni itu timbul ketika terjadi hubungan antara manusia sebagai subjek dan barang sebagai objek. Justeru, bunga itu indah kerana manusia yang melihatnya memberi nilai indah. Penilaian indah yang manusia berikan adalah relatif dan ada ketikanya manusia tersasar dalam memberikan makna indah. Indah yang hakiki adalah indah yang disandarkan maknanya kepada makna yang dikehendaki Pencipta manusia yang indah itu. Ciptaan manusia yang indah juga adalah refleksi kepada ciptaan Tuhan yang mengilhamkan keindahan kepada manusia yang merekabentuknya.

Sesungguhnya Tuhan itu Maha Indah. Dan segala ciptaanNya juga adalah indah. Justeru, adab terbaik apabila manusia menikmati sesuatu keindahan, dia akan mengaitkannya dengan Tuhan Yang Maha Indah. Manusia yang gagal memahami hakikat ini sebenarnya adalah manusia yang ego dan sombong yang cuba mengeluarkan nilai keTuhanan dari konsep keindahan. Lantas mereka menggunakan kriteria sendiri untuk menilai keindahan. Dan kemungkinan untuk mereka tersasar di dalamnya adalah besar. Mereka sebenarnya menentang ukuran kecantikan dan kesenian yang telah ditetapkan Tuhan. Mereka merasakan bahawa mereka sangat mahir dan mengenali seni. Wal hal mereka sebenarnya adalah kelompok yang zalim, tidak mengenali nilai bahkan merosakkan nilai seni. Keindahan yang menentang fitrah kejadian manusia atau menentang Tuhan adalah keindahan yang palsu. Keindahan tersebut telah dihiasai oleh nafsunya sendiri yang rendah dan disokong oleh syaitan penghasut. Keindahan tersebut jauh tersasar dari pedoman wahyu dan iman. Keindahan tersebut adalah keindahan yang merosakkan. Konsep sebenar kesenian adalah keindahan yang diciptakan untuk dinikmati secara adil dan harmoni dengan izinNya; bukan merosakkannya.

Dari perspektif operasi, seni pada dasarnya tidak pernah bertentangan dengan Islam. Apa yang menjadi isu adalah perlaksanaannya tidak mengikut aturan dan disiplin yang sepatutnya. Untuk menjadikan sesuatu itu dianggap sebagai hasil seni, kaedah perlaksanaannya tidak seharusnya bertembong dengan peraturan yang ditetapkan oleh Tuhan Yang Maha Indah. Sebagai contoh, seni suara perlu dilihat dari beberapa aspek seperti irama dan lirik, gerakan dan gaya persembahan, suasana dan lokasi persembahan, pemakaian dan kostum penyampai dan lain-lain yang perlu diambil kira agar seni tersebut berfungsi untuk menyampaikan mesej yang dikehendaki. Sebagai contoh lain, wanita



juga adalah makhluk yang sangat seni dan indah. Wanita itu layak untuk dinikmati oleh pihak tertentu dengan peraturan-peraturan tertentu agar keindahannya sentiasa terpelihara dan dinikmati secara adil dan beradab. Seorang pencinta seni harus mengetahui apa yang sesuai dengan prinsip Islam. Mana-mana yang bertentangan mestilah ditinggalkan. Motif berseni tidak seharusnya bermatlamatkan kepada hiburan, tujuan keduniaan ataupun keseronokan semata-mata. Islam telah menggariskan konsep dan makna kesenian sesuai mengikut naluri dan fitrah tabii manusia. Sewajarnya manusia mengemudi seni mengikut fitrah manusia berbekalkan sempadan syariah demi kesejahteraan jiwa dan dunia manusia. Bahkan, sekiranya betul pembawaan seni, maka ianya dikira sebagai ibadah.

PENUTUP

Seni adalah sesuatu yang indah dan manusia menghargainya. Meskipun ia sukar untuk didefinisikan, seni itu dapat ditangkap dan dirasakan oleh hati manusia. Manusia sebagai makhluk Tuhan yang berseni dan indah diberi kebolehan untuk menghasilkan sesuatu yang indah dengan menggunakan pelbagai bentuk saluran samada bersifat tradisional mahupun yang moden. Walau bagaimanapun, sehebat mana hasil kesenian ciptaan manusia, ia tidak akan dapat menandingi kehebatan dan keindahan ciptaan Allah s.w.t. Seni yang benar akan menghubungkan manusia dengan tuhan, alam sekitar dan sesama manusia dan juga makhluk lain. Apa jua aktiviti seni, ia mesti dihubungkan dengan tujuan terakhir penciptaan manusia. Dengan cara demikian, seni menjadi wadah atau alat untuk meningkatkan ketaqwaan kepadaNya.

RUJUKAN

- Al-Quran Al-Karim.
Al-Faruqi, Ismail, R. 1986. *The Cultural Atlas of Islam*. New York: Macmillan publishing company.
Al-Qaradhawi Yusuf. 1999. *Seni dalam Islam*. Terj. Mohd Nazri Dollah. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Bakker, Anton & Zubair. 1994. *Metodologi penelitian filsafat*. Yogyakarta: Pustaka Filsafat.
Davies, S. 2006. *The philosophy of art*. Oxford : Blackwell Publishing.
Gazalba, Sidi . 1977. *Pandangan Islam tentang Kesenian*. Jakarta: Bulan Bintang.
Kamus Filsafat. 2000. Lorens Bagus. Jakarta : PT Gramedia Pustaka Utama.
Kamus Dewan. 2005. Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Jalaluddin dan Abdullah Idi.1997. *Filsafat pendidikan*. Ed.1. Jakarta: Gaya Media Pratama.
Muhamad Qhutub., 1993. *Manhaj Al Fan Al Islami*. Kaherah : Dar Asy Syuruq
Nasr, Sayyed Hossein. 1933. *Spiritualitas dan Seni Islam* (terj. Afif Muhammad). Bandung: Mizan.
Nurcholish Madjid. 1992. *Islam Doktrin dan Peradaban*. Jakarta : Yayasan Wakaf Paramadina.
Short, E.C. 1991. *Inquiry methods in curriculum studies: an overview*. *Curriculum Perspective*, 11(2): 15-26.
Suriasumantri, Jujun S. 2000. *Filsafat ilmu sebuah pengantar popular*. Ed. 13. Jakarta: Sinar Harapan.
Syed Mahadzir Syed Ibrahim. 2015. *Seni dalam Islam*. Kuala Lumpur : Green Dome Publications Sdn. Bhd.